



# Berita **BANDARAYA**

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)  
Bil.10 Oktober/ Ramadhan 1426H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

D E W A N B A N D A R A Y A K U A L A L U M P U R

## SEOUL WORLD MAYORS FORUM 2005

**Y**Bhg Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Haji Ruslin Haji Hasan telah menghadiri ‘Seoul World Mayors Forum 2005’ pada 30 September hingga 1 Oktober 2005 di Seoul, Korea. Beliau turut diiringi oleh dua orang Ahli Lembaga Penasihat Kuala Lumpur iaitu Dato’ Seri Mohamad Nor Rahim dan Dato’ Haji Esa Haji Mohamad dan Iapan Pegawai.

meliputi bengkel, perbincangan dan lawatan teknikal.

Forum ini menyediakan ruang dan peluang untuk berkongsi idea dan pengalaman dengan bandar raya Seoul serta lain-lain bandar raya dalam pembangunan bandar.

Y Bhg Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Haji Ruslin Haji Hasan telah menyampaikan ucapan dalam sesi Meja Bulat Datuk Bandar.



Y.Bhg. Dato' Hj. Ruslin sedang menyampaikan ucapan beliau semasa sesi Meja Bulat Datuk Bandar. - Gambar Berita Bandaraya

Tema forum ini ialah “Sustainability and Revitalization”.

Forum ini diadakan berkebetulan dengan perasmian ‘Cheong Gye Cheon’ iaitu satu projek yang dijayakan oleh Kerajaan Mertopolitan Seoul. Ianya adalah sebuah projek di mana sungai dipulihara dan telah ditutupi dengan konkrit serta dijadikan sebagai jalanraya.

Projek Cheong Gye Cheon ini sepanjang 5.8 kilometer menyelusuri pusat bandaraya Seoul. Aliran air dari projek ini yang berpunca daripada Sungai Hangang dengan kapasiti 120,00 tan sehari bagi memastikan paras kedalaman air sepanjang tahun dapat dikawal.

Projek ini merupakan satu projek yang amat penting dalam pembangunan semula bandar raya Seoul di era moden. Ianya merupakan satu projek besar yang berterusan yang melaksanakan konsep mesra alam.

Forum ini dihadiri oleh Datuk-Datuk Bandar dan delegasi daripada 27 buah bandar raya. Hari pertama dimulakan dengan persidangan Meja Bulat Datuk-Datuk Bandar di mana Deklarasi Seoul dicapai. Manakala acara hari kedua



28 Datuk Bandar bergambar beramai-ramai semasa perasmian ‘Cheong Gye Cheon’, sebuah projek pemuliharaan sungai di Bandaraya Seoul. - Gambar Berita Bandaraya



Y.Bhg. Dato' Hj. Ruslin (lima dari kiri) sedang mendengar taklimat semasa perasmian ‘Cheong Gye Cheon’. - Gambar Berita Bandaraya

## Dari Meja Datuk Bandar



### Tingkatkan amalan di Bulan Mulia...

Kepada umat Islam, bulan Ramadan merupakan satu bulan yang amat dinantikan kerana ia penuh dengan barakah. Selain daripada menuaikan Rukun Islam yang ketiga iaitu berpuasa, amalan-amalan lain seperti bersembahyang tarawikh dan bersedekah amat dituntut pada bulan yang mulia ini.

Di bulan yang mulia ini juga jangan kita lupakn kepada mereka-mereka yang serba kekurangan seperti anak-anak yatim, warga emas dan sebagainya. Hulurkanlah sedekah dan jariah kepada mereka kerana bulan Ramadan ini adalah bulan untuk kita rasakan bersama apa yang mereka rasai selama ini...berlapar...kita sama sahaja di sisi Allah....

Saya rasa terharu bilamana dapat berpuasa bersama-sama anak-anak yatim dan mereka yang serba kekurangan dalam mengharungi bulan penuh barakah ini. Dapat kita rasakan bagaimana dan jerihnya mereka mengharungi hari-hari mendatang tanpa keperluan dan insam tersayang di sisi. Hanya keimanan yang tinggi sahaja dapat memungkinkan mereka terus melangkah ke hadapan tanpa keluh dan resah.

DIGITAL  
Ujian  
daripada Allah terhadap  
keimanan kita tidak akan mengira waktu dan  
status. Cuba kita renungkan kembali ujian yang  
Allah turunkan kepada penduduk di Pakistan yang  
mengalami gempabumi besar-besar ini. Saya amat tersentuh,  
dalam masa mereka mengalami trauma dan kesengsaraan kerana  
kehidupan yang musnah dalam sekilip mala namun perintah  
Allah untuk berpuasa masih dapat mereka teruskan. Tada  
keluh kesah serta sesalan di wajah mereka kerana mereka  
tahu itu adalah ujian Allah. Adakah keimanan  
kita yang masih belum terujui ini seteguh  
meraka....

Di bulan Ramadan ini juga, DBKL menyediakan peluang dan ruang untuk menjaga-penjaja kecil menambahkan pendapatan mereka menjelang Syawal nanti. Tapak-tapak Bazar Ramadan yang disediakan oleh DBKL di serata pelusuk bandar Kuala Lumpur diharap dapat membantu penjaja-penjaja kecil ini di samping membantu menjana ekonomi Kuala Lumpur tercinta ini.

Bazar Ramadan telah menjadi satu ikon kepada Kuala Lumpur setiap kali menjelang Ramadan. Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India dan konubarsinya telah sinonim dengan kunjungan ribuan orang setiap kali Ramadan menjelma. Di samping dapat memberi peluang dan ruang kepada pengguna untuk mencari barang keperluan sebagai persiapan menjelang Syawal ia juga telah menjadi satu daya tarikan pelancong kerana keunikannya. Dapat kita lihat pelbagai jenis barang serta juadah yang sedia terjual membuktikan bahawa keharmonian negara ini amat baik sekali. Begitu pun suka saya mengingatkan mereka, berjimat cermatlah ketika berbelanja. Harus diingat bahawa di bulan mulia ini sepatutnya kita lebih berhati-hati dalam berbelanja kerana Ramadan adalah bulan untuk beribadah.

Kepada para penjaja pula, saya mengingatkan mereka supaya tidak mengambil kesempatan ke atas peluang yang telah diberikan ini. Gunakanlah kesempatan ini dengan penuh etika dan patuhilah segala peraturan. Usah gunakannya sebagai satu batu loncatan untuk mengalir keuntungan yang keterlaluan. Walaupun kesempatan ini hanyalah sebulan dalam tempoh setahun, tidak bermakna mereka boleh melakukannya mengikut kehendak mereka.

Bagi yang berkemampuan, di bulan yang mulia ini juga ada yang mengambil kesempatan ke Tanah Suci Mekah melakukan umrah di samping untuk meningkatkan lagi amalan mereka. Mendekatkan lagi diri yang sememangnya kerdil ini di sisi Maha Pencipta serta mencapai ketenangan di bumi suci itu adalah satu pengalaman yang mungkin sukar diperolehi oleh semua orang. Sesungguhnya di bulan mulia ini haruslah kita penuhi dengan amalan ibadah di samping tidak melupai tanggungjawab terhadap tugas sehari-hari. Tanggungjawab terhadap tugas sehari-hari juga merupakan satu ibadah yang amat dituntut. Sehubungan dengan itu, usahlah kita cemarkan bulan-bulan yang mulia ini dengan perkara-perkara yang tidak bermanfaat.....

### Pandangan

**Berita Bandaraya / KL City News** akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: **Sidang Redaksi Berita Bandaraya / KL City News Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 29 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur.** e-mel akbar@dbkl.gov.my Tel: 603-2617 9013 Faks: 603-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyerat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

### Sidang Redaksi

**Penasihat:** Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin b. Hj. Hasan **Ketua Editor:** Tuan Hj. Salleh b. Yusup **Editor:** Hanim bt. Hj. Hashim **Sub-Editor:** Suriyana bt. Ismail **Jurufoto:** Abd. Rhani b. Md. Shohor

# *From the Mayor's Desk*

## **Perform more good deeds in this holy month**

To Muslims, the coming of Ramadan Al Mubarak, have always been long awaited, as this month is full of blessings. Besides fasting, the third Pillar of Islam, Muslims are also encouraged to perform tarawikh prayers and help the unfortunate.

Let us not forget the old citizens, orphans and the less fortunate. Please lend them a helping hand and give them alms as Ramadan is the month for us to empathise with what they are going through, as to Allah we are all the same regardless of our stations in life.

I felt very excited and moved when I was given the opportunity to break fast with the orphans and the less fortunate. It is difficult for them going through this holy month without their loved ones and even basic necessities. Only their faith in Allah provides them the courage to face life ahead.

In this Ramadan, DBKL will provide lots of opportunities for hawkers to earn an extra income for the coming Syawal. Throughout Kuala Lumpur, DBKL will provide spaces for Ramadan Bazaar to help the hawkers and to generate the city's economy. The Ramadan Bazaar has become an icon to Kuala Lumpur during every Ramadan. Jalan Tunku Abdul Rahman and Jalan Masjid India are synonym with thousands of visitors who

are looking for myriads of appliances and delicacies in preparing for the coming Syawal. The uniqueness of the bazaar has made it one of the tourist attractions in Kuala Lumpur. But, Ramadan is not all about shopping. I would like to remind all of you to practise restrain in spending and concentrate more on performing your religious duties / practices as this is a special month and is full of blessings.

As for the hawkers, please do not take advantage of the opportunity given to gain ridiculous profits. Use the chances wisely and ethically. Even though the opportunity only last a month, that does not mean they can act to their hearts' content. They still have to abide by the law.

For the more fortunate, they can perform Umrah in Mecca in order to achieve peace of mind and be closer to Allah. This is an experience of a lifetime as not all people are fortunate enough to have this opportunity. In this holy month, we are supposed to fill it with religious practices without forgetting our daily obligations, as performing the daily obligations is also considered as an ibadah.

Test and ordeal from Allah towards our faith came regardless of time and status. Let us ponder upon the ordeal faced by Pakistan when the nation was wrecked by earthquake recently. I am very touched by their faith. During this very trying and traumatic time, they still abide to Allah by continuing to fast without complaining, as they realised this is Allah's way of testing them.

## **EDITORIAL BOARD**

**Advisor:** Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin b. Hj. Hasan, **Editor in Chief:** Tuan Hj. Salleh b. Yusup, **Editor:** Hanim bt. Hj. Hashim, **Sub-Editor:** Suriyana bt. Ismail  
**Photographer:** Abd. Rhani b. Md. Shohor, **Editor's Address:** Kuala Lumpur City News, Public Affairs & International Unit, Level 29, City Hall Building, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur. Tel: 603-2617 9013 Fax: 603-2694 1373. e-mail: akhbar@dbkl.gov.my